

# ANWAR JANGAN LAGI BERANGAN-ANGAN JADI PERDANA MENTERI

Oleh : JOHAN HAMZAH

>  
ANWAR  
IBRAHIM...  
peluang untuk  
menjadi Perdana  
Menteri telah  
berlalu?



**TIDAK** berapa lama selepas Perdana Menteri yang juga Presiden UMNO, Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi menyatakan bahawa karier politik Anwar sudah berakhir, ia di susuli pula dengan kenyataan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad bahawa beliau melihat tidak ada peluang lagi bagi Anwar untuk menjadi Perdana Menteri kerana menurutnya lama kelamaan penyokong-penyokong Anwar akan mengetahui sama ada Anwar bercakap benar ataupun sebaliknya.

Tun Dr Mahathir berkata bahawa amat sukar bagi Anwar untuk mendapatkan keyakinan rakyat apatah lagi sokongan kepada beliau dan kepimpinannya sudah merosot, tidak seperti dahulu lagi.

Sementara itu, saman malu Anwar terhadap Tun Dr Mahathir yang di dakwanya memfitnah beliau telah di tolak oleh Mahkamah. Ini adalah buat kali ketiga Anwar gagal dalam persembahannya menyaman Dr Mahathir.

Justeru, Anwar telah membuat rayuan ke Mahkamah tentang keputusan yang terbaru yang jelas memihak kepada Tun Dr Mahathir.

Dalam pada itu ramai di antara pembaca **ERA BARU** menasihatkan Anwar supaya jangan membuang masa dan wang ringgit untuk menyaman Dr Mahathir lagi kerana menurut mereka amat sukar bagi Anwar untuk memenangi kesnya setelah di tolak beberapa kali oleh Mahkamah.

Dalam perkembangan terbaru **ERA BARU** difahamkan dari sumber-sumber yang boleh dipercayai bahawa Anwar ada merisik untuk bertemu dengan bos lamanya, Tun Dr Mahathir melalui pihak ketiga.

## TIDAK KONSISTEN

Namun begitu difahamkan juga bahawa Tun Dr Mahathir tidak menunjukkan minat untuk bertemu dengan Anwar melainkan Anwar melahirkan hasratnya melalui surat kepada Tun menyatakan tentang kesungguhan beliau itu.

Persoalannya, apakah yang hendak Anwar sampaikan kepada Tun Dr Mahathir melainkan beliau mahu memo-

hon maaf tentang tingkah laku beliau yang sudah-sudah dan yang telah memalukan Tun Dr Mahathir.

Sementara itu, **ERA BARU** telah membuat panggilan rambang kepada beberapa orang ramai dan hampir semua berkata bahawa jalan sebaik-baiknya ialah bagi Anwar berdamai semula dengan Tun Dr Mahathir kerana menurut mereka lagi apapun usaha yang telah dibuat dan akan dibuat oleh Anwar untuk membersihkan nama beliau agak sukar kerana selain daripada tuduhan yang di lemparkan ke atas beliau.

Pendirian beliau juga dalam banyak isu yang membatikan dasar Kerajaan, tidak konsisten dan melihatkan yang beliau hanya mementingkan diri untuk mencapai cita-cita untuk menjadi Perdana Menteri.

Agaknya itu yang dimaksudkan oleh Tun Dr Mahathir bahawa peluang untuk Anwar menjadi Perdana Menteri telah berlalu.